

08 MAY 2002

Mahathir-Petronas/I

PM AKAN RASMI PPIC DI KERTIH ESOK

KUALA TERENGGANU, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Kompleks Industri Petroleum Petronas (PPIC) di Kertih esok.

Menurut ketua Bahagian Perhubungan Awam Jabatan Makumat Perundangan dan Hal Ehwal Korporat Petronas Azman Ibrahim, Dr Mahathir dijadual tiba di Lapangan terbang Kertih pada pukul 9.30 pagi.

Azman dalam satu kenyataan menyebut bahawa Mahathir kemudiannya akan dibawa melawat kilang optimal PPIC.

Pada tengah hari, katanya perdana menteri dan rombongan akan melawat kemudahan marin di Kertih dan makan tengah hari di Villa Petronas.

Azman berkata selepas jamuan tengah hari, perdana menteri akan melawat menara pemerhatian bagi meninjau pemandangan kilang PPIC dan kemudiannya ke menara pemerhatian kompleks kilang pemprosesan gas B (GPP-B) sebelum dibawa melawat kilang berkenaan.

Pada pukul 4.30 petang, perdana menteri dijadual menghadiri majlis tertutup.

Azman berkata perdana menteri akan berlepas pulang dari Lapangan terbang Kertih ke Lapangan terbang Sultan Abdu Aziz Shah, Subang pada pukul 6.45 petang.

-- BERNAMA

MRA RM LAT